

Peluang kerja buat graduan

Setiap IPTA disaran tubuhkan Pusat Penempatan



Peserta gerak Mesra Kebolehpasaran Graduan IPTA bergambar kenangan.

NURUL HUDA HUSAIN

KUALA NERUS – Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menasarkankan 80 peratus graduan lepasan institut pengajian tinggi awam (IPTA) memperoleh pekerjaan dalam tempoh enam bulan sebaik tertubuhnya Pusat Penempatan (Placement Centre) di seluruh negara mulai tahun ini.

Menurut Ketua Setiausahanya, Datuk Ab Rahim Md Noor, pusat yang akan diurus tadbir oleh bahagian Hal Ehwal Pelajar

itu juga akan memberi penekanan tentang memilih kerjaya yang betul dan maklumat kekosongan kerja bagi memastikan semua graduan berjaya memperoleh pekerjaan.

“Kita memulakan program ini (Pusat Penempatan) sejak dua tahun lepas, namun memandangkan ia kurang dipromosikan, ramai pelajar kurang memberi perhatian.

“Sehubungan itu, kita harap sehingga penghujung tahun ini semua IPTA seluruh negara mewujudkan Pusat Penempatan masing-masing agar hasrat untuk memastikan

semua pelajar lepasan IPTA akan memperoleh pekerjaan yang diminati masing-masing tercapai,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Gerak Mesra Program Kebolehpasaran Graduan IPTA KPT Bersama Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Sultan Mizan Zainal Abidin (Unisza) di Dewan Sultan Mizan, UMT di sini, semalam.

Menurutnya, setakat ini Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang memperkenalkan pusat berkenaan dan diharap semua

universiti lain akan turut serta.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, pihaknya menerima laporan secara umum mengenai insiden kebakaran di Bangunan Canselori UMT yang berlaku 21 Mac lalu dan sedia memberikan bantuan mengikut peruntukan yang sedia ada.

“Buat masa ini kita belum menerima secara rasmi mengenai jumlah keseluruhan mengenai kerosakan yang dialami dan kita tidak dapat membuat keputusan berapa bantuan yang akan diberikan,” katanya.